

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN NO. 491

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara tepat jumlah tenaga pengajar yang bertugas di sekolah-sekolah persendirian vernakular Cina dari peringkat rendah atau menengah dan apakah kelulusan tenaga pengajar yang dipilih bertugas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat 60 buah sekolah menengah persendirian cina (SMPC) yang telah berdaftar di bawah peruntukan Akta Pelajaran 1961 sebagai sekolah *non-conforming*. Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah guru di SMPC sehingga Jun 2019 adalah seramai 4,209 orang guru yang warganegara manakala 39 orang guru adalah bukan warganegara.

Pengambilan guru di SMPC adalah autonomi pihak pengurusan sekolah sepenuhnya berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh KPM. Bagi guru warganegara Malaysia, kelayakan akademik minimum adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala bagi guru bukan warganegara Malaysia, kelayakan akademik minimum adalah ijazah sarjana muda dan juga hendaklah mempunyai kelayakan professional dalam pendidikan. Setiap guru yang memenuhi syarat juga hendaklah mempunyai permit mengajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.